

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXVI)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

17. Berapa bajet Kerajaan Negeri kepada FAP?
- (a) Kenapa pihak FAP tidak berusaha mencari penaja dari pihak swasta?
 - (b) Sekiranya tidak berminat, apakah alasan pihak swasta tidak mahu menjadi penaja?

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM8 juta bagi tahun 2020 kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP).
- (a) FAP telah berusaha untuk mendapatkan tajaan dari pihak swasta. Bagi tahun 2020, FAP telah mendapat tajaan sebanyak RM 530,000.00 dalam bentuk tunai dan pakaian sukan. FAP akan terus meningkatkan dan mempelbagaikan usaha untuk menarik pihak swasta menaja pasukan bola sepak Pulau Pinang.
 - (b) Pihak swasta kurang berminat untuk memberi tajaan kepada FAP kerana bagi sesi tahun 2020, FAP hanya bermain di Liga Premier. Kebanyakan penaja lebih berminat untuk menaja bagi pasukan yang berada di dalam Liga Super. FAP akan berusaha untuk mempertingkatkan prestasi Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang supaya dapat beraksi dalam saingan Liga Super.